

Berazam tamatkan pengajian



MESIN bantuan pernafasan LTOT yang tidak mampu lagi membekalkan oksigen kepada diri Juliza Ameruddin.

BIARPUN sukar berhadapan dengan penyakit asma kronik yang dihadapi, namun wanita ini tetap berazam untuk menamatkan pengajiannya. Juliza kini merupakan penuntut semester pertama tahun empat dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Teknologi Grafik dan Multimedia di UMP.

"Saya sudah tinggalkan pengajian enam tahun. Namun pihak universiti faham dengan keadaan saya. Kalau agak sihat, saya akan kembali ke universiti untuk belajar. Kalau tidak, saya berada di hospital dan di rumah.

"Rakan-rakan ramai yang sudah tamat pengajian dan bekerja. Hanya saya yang masih bertatih untuk

menamatkan pengajian.

"Hanya baru-baru ini saya agak terdaya untuk menyambung pembelajaran. Walaupun ada masanya terpaksa terlantar di hospital berbulan-bulan atau berminggu-minggu lamanya. Saya berazam, walau apa pun terjadi, saya tetap mahu tamatkan pengajian, biarpun berapa lama masa yang diperlukan selagi termampu," katanya.

Buat masa ini semua orang memberi sokongan termasuk kedua-dua ibu bapa, pensyarah dan rakan-rakan untuk dia menamatkan pengajian.

Malah, pihak universiti memberikan pelbagai kemudahan termasuk memberikan bilik yang paling hampir dengan kelas bagi memudahkannya bergerak ke situ.

